

PRAKTIS FOKUS PT3

BAHAGIAN A Sistem Bahasa

1. KATA GANTI NAMA

PRAKTIS 1: Kata Ganti Nama Diri

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) "Jika kami semua bekerjasama, kita dapat menyiapkan tugas itu dengan lebih cepat," kata ketua pengakap itu kepada rakan-rakannya.
- (ii) "Selamat berkenalan. Nama kita Rashmini," kata Rashmini kepada murid baharu itu.
- (iii) "Patik bersedia menjunjung segala titah perintah baginda," kata Hang Tuah kepada Sultan Mansur Syah.
- (iv) "Buku yang saya pinjamkan kepada kalian semalam ada pada siapa?" tanya Gavin kepada Raymon.

PRAKTIS 2: Kata Ganti Nama Tunjuk dan Kata Ganti Nama Tempat

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Ini rumah saya. Yang di simpang jalan sini pula rumah Kamilia.
- (ii) "Ingatlah pesanan ibu. Apabila berada di sini nanti, pandai-pandailah menjaga diri," kata Puan Halimah kepada anaknya yang akan melanjutkan pelajaran di luar negara.
- (iii) Pada hari situ saya tidak ada di rumah. Saya berada di kampung saya di Taiping.
- (iv) "Kalau kasut itu tidak sesuai, cubalah yang sini pula," kata jurujual kepada Amin.

PRAKTIS 3: Kata Ganti Nama Tanya dan Kata Ganti Nama Tak Tentu

Dalam setiap ayat di bawah ini, terdapat satu kesalahan bahasa. Gariskan kesalahan bahasa tersebut dan tulis jawapan yang betul pada ruang jawapan yang disediakan. Anda tidak perlu menyalin ayat itu semula.

- (i) Para pelancong itu dari mana-mana?
- (ii) Acara perasmian Sukan Sea itu akan bermula pada bila masa sahaja.
- (iii) Mengapa kanak-kanak itu menangis? Ibunya di mana?
- (iv) Siapa yang sudah menyiapkan tugas itu bolehlah keluar kelas sekarang.